


# UniMAP BANTU MANGSA BANJIR DI PERLIS

Dalam kejadian banjir yang menimpa penduduk negeri di Utara tanah air, Perlis dan Kedah awal November 2010 lalu, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) terpanggil untuk melaksanakan tanggungjawab sosialnya dalam membantu mangsa-mangsa banjir di negeri Perlis.



Tanggungjawab sosial ini bermula pada petang 1 November, ketika paras sungai meningkat secara mendadak dan membanjiri kawasan sekitar Perlis. UniMAP menubuhkan pasukan sukarelawan penyelamat yang beroperasi di bilik gerakan banjir di Jabatan Keselamatan UniMAP Kangar. Bilik gerakan banjir UniMAP bertanggungjawab menerima laporan dan mengambil tindakan segera untuk memberi bantuan terhadap kakitangan UniMAP dan keluarga yang dilanda banjir.



Ekoran kejadian banjir yang semakin buruk, lebih 7,000 pelajar UniMAP telah diberikan cuti sehingga bencana banjir reda, manakala 34 pelajar antarabangsa pula dipindahkan dari penempatan di Kolej Kediaman Tunku Abdul Rahman, Taman Aman ke Kolej Kediaman Tun Abdullah Ahmad Badawi, Simpang Empat



Berbekalkan rasa tanggungjawab, setelah banjir semakin pulih dan surut, UniMAP meneruskan program khidmat sosialnya untuk membantu membersihkan Sekolah Kebangsaan Sena yang menjadi pusat pemindahan banjir dekat sini.



Program itu disertai kira-kira 200 kakitangan UniMAP yang diketuai Naib Canselornya, Dato' Prof. Dr Kamarudin Hussin yang bersama-sama bergotong royong membersihkan kawasan pusat pemindahan bagi hampir 200 mangsa banjir itu.



Turut berangkat pada program tersebut, DYT M Canselor UniMAP, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail dan DYT M Pro Canselor UniMAP, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil.



Baginda yang juga Yang Dipertua Yayasan Tuanku Syed Putra turut menyampaikan sumbangan Yayasan itu kepada UniMAP berupa 10,000 botol air mineral untuk diagihkan kepada mangsa bencana banjir selain berkenan menyampaikan sumbangan hamper kepada mangsa banjir.

Pada majlis itu, UniMAP turut menerima sumbangan daripada Bank Muamalat dan Bank Rakyat serta empat syarikat tempatan bagi mengisi Tabung Bencana UniMAP.



Terdahulu, kira-kira 1,000 kakitangan pentadbiran dan akademik UniMAP yang diketuai sendiri oleh Naib Canselor UniMAP turut melaksanakan tanggungjawab sosialnya dengan membantu membersihkan Hospital Tuanku Fauziah (HTF) di Kangar.

Pengarah HTF, Dr. Ahmad Nordin Mohd Jais yang gembira dengan keprihatinan warga universiti awam itu turut sama menyertai program gotong-royong membersihkan kawasan dan bangunan hospital berkenaan yang dimasuki air sejak 1 November lalu.



Pada program berasingan, UniMAP juga telah menerima sumbangan dari Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) di Kolej Kediaman UniMAP di Wang Ulu.



Sumbangan cek disampaikan oleh Timbalan Pengurus Kanan Bahagian Penguatkuasaan dan Kutipan Balik PTPTN, En. Zulkifli Ansari.

Sumbangan itu merupakan yang pertama disampaikan oleh PTPTN melalui Kementerian Pengajian Tinggi kepada UniMAP bagi meringankan beban para pelajar yang menjadi mangsa banjir.

